



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 2 JULAI 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	KPKM SALUR RM34.09 JUTA KEPADA MELAKA SOKONG AGENDA PEMBANGUNAN INDUSTRI ANGROMAKANAN, ASTRO AWANI, ONLINE KPKM SALUR RM34 JUTA SOKONG INDUSTRI AGROMAKANAN MELAKA, MALAYSIA GAZETTE-ONLINE MELAKA TERIMA RM34 JUTA PERKASA AGROMAKANAN, KOSMO-ONLINE EKSPORT DURIAN KE CHINA DIJANGKA SUKU KETIGA TAHUN INI- NASIONAL, SH-7 MALAYSIA AKAN MULA EKSPORT DURIAN SEGAR KE CHINA MENJELANG SUKU KETIGA, BISNES, BH-24	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
6. 7. 8. 9.	10% PESAWAH DARI KALANGAN ANAK MUDA, DALAM NEGERI, UM-12 KERAJAAN BAKAL PINDA AKTA PERIKANAN 1985, DALAM NEGERI, UM-5 PINDA AKTA PERIKANAN DEMI KEADILAN SEMUA PIHAK, NASIONAL, BH-14 TEGAS KUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG MARIN SEBELUM MASALAH LEBIH BESAR, RENCANA, BH-12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
10. 11. 12.	TUAI SATU TAN KANGKUNG SEBULAN, DALAM NEGERI, UM-36 DUA SAHABAT CEBURI TANAMAN KANGKUNG HIDROPONIK, LOKAL, HM-18 TANAM KANGKUNG DAPAT RM4,000, NEGARA, KOSMO-18	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
13. 14. 15.	DURIAN DAMAK KING TERJEJAS TERUK, NEGARA, KOSMO-14 KETAM NIPAH BERI REZEKI BUAT NELAYAN, NEGARA, KOSMO-18 POKOK DURIAN BUNGA MERAH 200 TAHUN BERBUAH 600 BIJI, DALAM NEGERI, UM-33	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 2 JULAI 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	KPKM SALUR RM34.09 JUTA KEPADA MELAKA SOKONG AGENDA PEMBANGUNAN INDUSTRI ANGROMAKANAN, ASTRO AWANI, ONLINE KPKM SALUR RM34 JUTA SOKONG INDUSTRI AGROMAKANAN MELAKA, MALAYSIA GAZETTE-ONLINE MELAKA TERIMA RM34 JUTA PERKASA AGROMAKANAN, KOSMO-ONLINE EKSPORT DURIAN KE CHINA DIJANGKA SUKU KETIGA TAHUN INI-NASIONAL, SH-7 MALAYSIA AKAN MULA EKSPORT DURIAN SEGAR KE CHINA MENJELANG SUKU KETIGA, BISNES, BH-24	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
6. 7. 8. 9.	10% PESAWAH DARI KALANGAN ANAK MUDA, DALAM NEGERI, UM-12 KERAJAAN BAKAL PINDA AKTA PERIKANAN 1985, DALAM NEGERI, UM-5 PINDA AKTA PERIKANAN DEMI Keadilan SEMUA PIHAK, NASIONAL, BH-14 TEGAS KUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG MARIN SEBELUM MASALAH LEBIH BESAR, RENCANA, BH-12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
10. 11. 12.	TUAI SATU TAN KANGKUNG SEBULAN, DALAM NEGERI, UM-36 DUA SAHABAT CEBURI TANAMAN KANGKUNG HIDROPONIK, LOKAL, HM-18 TANAM KANGKUNG DAPAT RM4,000, NEGARA, KOSMO-18	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
13. 14. 15.	DURIAN DAMAK KING TERJEJAS TERUK, NEGARA, KOSMO-14 KETAM NIPAH BERI REZEKI BUAT NELAYAN, NEGARA, KOSMO-18 POKOK DURIAN BUNGA MERAH 200 TAHUN BERBUAH 600 BIJI, DALAM NEGERI, UM-33	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

KPKM salur RM34.09 juta kepada Melaka sokong agenda pembangunan industri agromakanan



Arthur (empat, kanan) beramah mesra bersama peniaga pada lawatan ke tapak jualan Agro MADANI. - Foto BERNAMA

MELAKA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyalurkan RM34.09 juta kepada Melaka tahun ini bagi menyokong agenda pembangunan industri agromakanan.

Timbalan Menteri Datuk Arthur Joseph Kurup berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM21.3 juta diperuntuk secara terus kepada Melaka di bawah Program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah ke Arah Keterjaminan Makanan Negara.

"Program kerjasama KPKM dengan kerajaan negeri merupakan inisiatif 'quick win' bagi membantu pelaksanaan projek-projek agromakanan negeri antaranya menaik taraf Kompleks Teknologi Pertanian Sungai Udang, Penternakan dan Pembenihan Ikan Air Tawar dan Projek Sekuriti Makanan Pertanian Melaka," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas mengadakan sesi libat urus bersama peladang, penternak dan nelayan negeri di sini pada Isnin.

Pada perjumpaan itu, Arthur turut menyampaikan bantuan dan insentif daripada agensi di bawah KPKM berjumlah RM4.73 juta kepada kumpulan sasar.

Peruntukan berkenaan membabitkan Peruntukan Pembangunan Usahawan, Program Pembangunan Persekutuan, Bantuan Tabung Bencana Pertanian, Bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan Akuakultur, Program Produktiviti Nelayan Pantai, Program Bantuan Veterinar serta Projek Pengukuhan Tanaman Nanas Bernilai Tinggi.

Mengulas tentang larangan penjualan kupang yang ditenak di sekitar Jasin sejak April lepas, Arthur berkata langkah itu terpaksa diambil kerajaan bagi mengelak kemudaratan kepada pengguna.

Beliau berkata KPKM sedang berusaha mencari jalan bagi membantu penternak kupang terjejas dengan meneliti bantuan yang boleh dihulurkan kerajaan.

"Penternak ini juga merupakan nelayan dan masih turun ke laut... mereka masih ada pendapatan daripada hasil-hasil tangkapan laut, bagaimanapun kita juga melihat kepada tabung-tabung bencana yang ada untuk membantu penternak ini sebagai satu daripada bentuk mitigasi ketika larangan masih dikuatkuasakan ketika ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Kpkm Salur Rm34 Juta Sokong Industri Agromakanan Melaka



Arthur (tengah) bergambar bersama penerima bantuan dan insentif di bawah agensi KPKM berjumlah RM4.73 juta di Telok Mas, Melaka hari ini.

MELAKA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyalurkan RM34.09 juta bagi menyokong agenda pembangunan industri agromakanan di Melaka.

Timbalan Menteri, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, daripada jumlah tersebut sebanyak RM21.3 juta diperuntukkan secara terus kepada kerajaan negeri.

Ia merupakan dana di bawah Program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Ke Arah Keterjaminan Makanan Negara bagi membantu pelaksanaan projek-projek agromakanan negeri.

Menurut beliau, antaranya termasuklah menaik taraf Kompleks Teknologi Pertanian Sungai Udang, Penternakan dan Pembenihan Ikan Air Tawar dan Projek Sekuriti Makanan Pertanian Melaka.

“Bantuan ini adalah sebagai menghargai pengorbanan dan peranan para peladang, penternak dan nelayan di negeri Melaka dalam memajukan sektor agro-makanan negara.

“Ia sekali gus memastikan keterjaminan bekalan dan kecukupan makanan yang berkualiti kepada rakyat Malaysia,” katanya.



Beliau berkata demikian dalam ucapan Program Libat Urus Bersama Warga Peladang, Penternak Dan Nelayan Negeri Melaka di Telok Mas di sini hari ini.

Mengulas lanjut beliau berkata, industri pertanian merupakan salah satu daripada penyumbang utama keluaran dalam negara kasar (KDNK) Melaka sebanyak RM4.5 bilion kepada KDNK negeri pada tahun 2022.

“Kluster tanaman merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak 57.8 peratus diikuti kluster ternakan 40.5 peratus dan perikanan 1.7 peratus,” katanya.

Pada program itu, Arthur turut menyampaikan bantuan dan insentif di bawah agensi KPKM berjumlah RM4.73 juta kepada kumpulan sasar KPK negeri.

“Diharapkan, bantuan dan insentif ini akan menyuntik semangat untuk terus memainkan peranan yang proaktif dalam merancakkan industri pertanian dan agromakanan negara,” tambahnya lagi. – MalaysiaGazette.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2024	KOSMO	ONLINE	

Melaka terima RM34 juta perkasa agromakanan



ARTHUR (dua dari kanan) menyampaikan bakul bantuan bencana agromakanan (Semai Madani) kepada penerima di Telok Mas, Melaka.

MELAKA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meluluskan peruntukan sebanyak RM34.09 juta kepada Melaka bagi memajukan sektor agromakanan.

Timbalan Menterinya, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, bantuan tersebut diberikan di bawah Program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Ke Arah Keterjaminan Makanan Negara.

Katanya, ia termasuklah bagi membantu pelaksanaan projek-projek agromakanan negeri antaranya menaik taraf Kompleks Teknologi Pertanian Sungai Udang, Penternakan dan Pembenihan Ikan Air Tawar serta Projek Sekuriti Makanan Pertanian Melaka.

“Sebanyak RM21.3 juta daripada diperuntukan tersebut akan disalurkan terus kepada kerajaan negeri.

“Bantuan ini adalah sebagai menghargai pengorbanan dan peranan para peladang, penternak serta nelayan di negeri Melaka, sekali gus memastikan keterjaminan bekalan makanan berkualiti kepada rakyat Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan Program Libat Urus Bersama Warga Peladang, Penternak Dan Nelayan Negeri Melaka di Telok Mas di sini, hari ini.

Dalam pada itu ditanya mengenai kerugian ditanggung oleh penternak kupang di negeri ini susulan larangan penjualan hasil laut berkenaan sejak April lalu, beliau memberitahu pihaknya akan mengkaji bantuan bersesuaian kepada golongan berkenaan.

“Kita perlu pentingkan kesihatan pengguna namun pada masa sama kita berusaha untuk membantu pengusaha kupang yang terkesan ekoran larangan ini.

“Ini termasuklah melihat (penggunaan) tabung-tabung bencana yang ada di mana kita boleh bantu untuk metigasikan (mengurangkan) kerugian, sama ada ia secara tajaan dan sebagainya kita akan kaji,” katanya.

Kosmo! pada 11 Jun lalu melaporkan seramai 33 nelayan dan penternak kupang di Pengkalan Sebati dekat sini mendakwa mengalami kerugian mencecah ratusan ribu ringgit kerana tidak dapat menjual ternakan kupang sejak tiga bulan lalu. – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

Eksport durian ke China dijangka suku ketiga tahun ini

KUALA LUMPUR

- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menjangkakan eksport buah durian segar ke China dapat dilaksanakan pada suku ketiga tahun ini, persidangan Dewan Rakyat dimaklumkan pada Isnin.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia susulan pemeteraian Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke China, 19 Jun lepas.

Beliau berkata, pada ketika ini, proses untuk mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Pentadbiran Am Kastam China (GACC) mengambil masa dua hingga tiga bulan dan KPKM melalui Jabatan Pertanian sedang memuktamadkan Sijil Fitosanitasi bersama GACC.

"Hanya ladang dan fasiliti pembungkusan buah durian yang memohon dan berdaftar dengan Jabatan Pertanian, mematuhi piawaian myGAP (Amalan Pertanian Baik) dan mendapat kelulusan daripada GACC menerusi pematuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Protokol, dibenarkan mengeksport buah



MOHAMAD SABU

durian segar ke China," katanya.

Beliau menjawab soalan Chow Yu Hui (PH-Raub) yang ingin tahu tentang usaha kementerian untuk mempercepat proses pengeksportan durian segar ke China dan jangka masa pengeksportan dapat dimulakan.

Menjawab soalan tambahan daripada Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (PN-Kubang Kerian) mengenai peluang yang diambil kerajaan menerusi penyertaan dalam Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) untuk mencari pasaran selain China, Mohamad berkata Malaysia memilih China untuk mengeksport durian kerana negara itu memiliki ramai penduduk yang menggemari raja buah itu.

"Negara-negara Arab belum makan durian lagi, bahkan bau pun tak boleh dan begitu juga Eropah.

"China makan durian secara besar-besaran dan mereka ada berjuta rakyat yang mampu berbelanja. Sebab itu kalau ingin hantar ke negara lain, ada pasaran tetapi tidak seperti China," katanya. - Bernama

Malaysia akan mula eksport durian segar ke China menjelang suku ketiga

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menjangkakan eksport durian segar ke China dapat dilaksanakan pada suku ketiga tahun ini, persidangan Dewan Rakyat dimaklumkan.

Menteri berkenaan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ia susulan pemeteraian Protokol Keperluan Fitosanitari Peng-eksport Buah Durian Segar dari Malaysia ke China, 19 Jun lalu.

Beliau berkata, pada ketika ini, proses untuk mendapatkan kelulusan daripada Jabatan

Pentadbiran Am Kastam China (GACC) mengambil masa dua hingga tiga bulan dan KPKM melalui Jabatan Pertanian sedang memuktamadkan Sijil Fitosanitasi bersama GACC.

"Hanya ladang dan fasiliti pembungkusan durian yang memohon dan berdaftar dengan Jabatan Pertanian, mematuhi piawaran myGAP (Amalan Pertanian Baik) dan mendapat kelulusan daripada GACC menerusi pematuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Protokol, dibenarkan mengeksport durian segar ke

China," katanya.

Beliau menjawab soalan Chow Yu Hui (PH-Raub) yang ingin tahu mengenai usaha Kementerian untuk mempercepat proses pengeksportan durian segar ke China dan jangka masa pengeksportan dapat dimulakan.

Menjawab soalan tambahan daripada Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (PN-Kubang Kerian) mengenai peluang yang diambil kerajaan menerusi penyertaan dalam Perkongsian Komprehensif Ekonomi Se-rantau (RCEP) untuk mencari

pasaran selain China, Mohamad berkata, Malaysia memilih China untuk mengeksport durian kerana negara itu memiliki ramai penduduk yang menggemari 'Raja Buah' itu.

"Negara-negara Arab belum makan durian lagi, bahkan bau pun tak boleh dan begitu juga Eropah.

"China makan durian secara besar-besaran dan mereka ada ratusan juta rakyat yang mampu membelanjanya. Sebab itu kalau ingin hantar ke negara lain, ada pasaran tetapi tidak seperti China," katanya. BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

10% pesawah dari kalangan anak muda

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Kenaikan kos tanaman selain isu harga belian terlalu rendah antara faktor golongan muda tidak berminat mengusahakan sawah padi berikutan ia bukan lagi pekerjaan yang menguntungkan.

Difahamkan pendapatan bersih bagi tanaman seluas satu relung atau 0.3 hektar hanyalah sekitar RM400 ke RM500 dan pulangan tersebut tidak menarik golongan muda untuk terlibat.

Malah, anak muda yang mengusahakan tanaman padi khususnya di Perlis dikatakan tidak sampai 10 peratus.

Majoriti yang masih bertahan dengan kerja-kerja bendang berumur 50 tahun dan ke atas sehingga yang berusia 70 tahun juga dilihat masih mengusahakannya.

Ia sekali gus menimbulkan persoalan terhadap masa depan industri padi dalam tempoh lima atau 10 tahun akan datang sekiranya masih terlalu bergantung kepada golongan berusia untuk mengusahakannya.

Di Perlis, difahamkan kawasan padi juga menyusut sebanyak 2,385 hektar dalam tempoh lima tahun lalu dengan pesawah beralih kepada tanaman lain selain digunakan untuk tujuan pembangnan.

Jika hal ini berlarutan, dibimbangi tanah sawah akan terbiar begitu sahaja atau dibangunkan

untuk tujuan lain sekali gus bakal menyebabkan hasil pengeluaran padi di negeri ini merosot.

Perlu diingat, Perlis turut membantu menyumbang kira-kira 11 peratus kepada pengeluaran beras negara.

Sebagai rekod, jumlah keluasan tanaman padi di Perlis ketika ini ialah 29,200,72 hektar berbanding 31,586 hektar pada 2018 dengan jumlah pesawah di dalam dan luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebanyak 15,960 orang.

Kebimbangan tersebut juga ada asasnya apabila minggu lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan kira-kira 15,960 pesawah di dalam dan luar kawasan MADA di negeri ini dijangka mengalami penyusutan pendapatan sehingga 30 peratus berikutan terpaksa menanggung kenaikan pelbagai kos kesan penyasaran subsidi diesel.

Seorang pesawah, Sukardi Md. Dali, 58, berkata, orang muda kebanyakannya sudah tidak berminat mengusahakan bendang kerana berpendapat ia bukan lagi pekerjaan yang memberikan pendapatan lumayan selain dilihat tidak berbaloi apabila kos juga semakin tinggi.

Katanya, di Perlis kalau dilihat sekitar 10 peratus sahaja golongan muda terlibat dengan kerja-kerja sawah dan itupun kebanyakannya mereka meneruskan usaha keluarga.

Ujarnya, pada masa ini penda-

patan bersih bagi tanaman seluas satu relung atau 0.3 hektar adalah sekitar RM400 ke RM500 di mana jumlah itu dilihat tidak lagi menarik golongan muda untuk terlibat.

“Orang mengusahakan bendang dalam tempoh 30 atau 40 tahun pun sekadar cukup makan sahaja dan tidak ada simpanan. Kerja-kerja di sawah ini hanya untuk menampung kehidupan seharian walaupun perlu menge-rah kudrat untuk mengusahakan tanaman ini.

“Sebagai contoh, musim ini tuai, pendapatan tersebut hanya lepas makan sehingga menanti musim baharu pula. Kita juga kadang-kala terfikir mengenai masa depan industri padi ini apabila tidak ada lagi orang muda yang berminat mengusahakan tanaman padi.

“Mungkin dalam tempoh lima atau 10 tahun ke depan, ia hanya dimonopoli oleh mereka yang mempunyai modal besar atau menukar kawasan tanaman padi kepada pembangunan lain seperti inap desa atau sebagainya. Mungkin pesawah juga akan beralih kepada tanaman lain yang lebih menguntungkan,” ujarnya.

Dalam pada itu, pemerhatian *Utusan Malaysia* di Kampung Sungai Bakong di sini mendapati pasangan warga emas berusia 70 dan 64 tahun masih kuat dan terus bertahan mengerah kudrat mengusahakan tanaman padi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Kerajaan bakal pinda Akta Perikanan 1985

KUALA KUMPUR: Kerajaan akan meminda Akta Perikanan 1985 secara menyeluruh pada sesi Parlimen akan datang. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pindaan akta yang wujud lebih 20 tahun itu akan merangkumi isu berkaitan semua kategori nelayan dan lokasi tangkapan.

Katanya, perkara itu untuk memberi keadilan kepada semua pihak.

"Kita akan pinda akta nelayan secara menyeluruh pada sesi Parlimen akan datang.

"Ini semua merangkumi hal nelayan kecil pukat besar, bot besar dan daerah penangkapan (hasil laut) supaya tindakan dapat diambil dengan baik.

"Kita cuba memberi keadilan kepada semua pihak," katanya pada sesi pertanyaan jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Dr Ahmad Fakhrudin Fakhrurazi (PN-Kuala Kedah) berhubung sama ada Kementerian bercadang menyemak semula syarat pemberian lesen kategori nelayan kecil bertujuan memudahkan perolehan lesen kepada mereka.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, 6,000 permohonan lesen sampan diluluskan sejak 2021 hingga tahun ini.

Selain itu, katanya, operasi pemutihan lesen berkenaan turut dijalankan setiap tahun.

"Antaranya ada nelayan meninggal dunia. Kita juga bincang dalam (mesyuarat) Kabinet baru-baru ini mengenai tekong.

"Tekong bot ini lagi tua lagi berpengalaman. Kadang-kadang umur 60 tahun kita suruh dia bersara, tetapi lagi lama di laut lagi berpengalaman dan kita perlu tekong-tekong berpengalaman," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Pinda Akta Perikanan demi keadilan semua pihak

Akta Perikanan 1985 yang wujud lebih 20 tahun akan dipinda pada sesi Parlimen akan datang bagi memberi keadilan kepada semua pihak, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata, tumpuan pindaan itu nanti bagi menangani isu membabitkan hal ehwal nelayan kecil dan besar, lesen dan lokasi tangkapan hasil laut.

Beliau berharap, pindaan itu dapat memberi keadilan kepada semua pemegang taruh.

"Kita akan pinda Akta Perikanan secara menyeluruh pada sesi Parlimen akan datang. Akta Perikanan ini lama (wujud) lebih 20 tahun.

"Pindaan merangkumi hal nelayan kecil dan nelayan pukut besar, bot besar serta daerah penangkapan (hasil laut) serta sebagainya.

"Ia supaya tindakan dapat diambil dengan baik. Kita cuba memberi keadilan kepada semua pihak," katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian men-

jawab soalan dikemukakan Dr Ahmad Fakhrudin Fakhrurazi (PN-Kuala Kedah), adakah Kementerian bercadang menyemak semula syarat pemberian lesen kategori nelayan kecil bagi memudahkan perolehan lesen kepada mereka.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, pihaknya turut menjalankan operasi pemutihan lesen sampan yang dijalankan setiap tahun.

Pada masa sama, pihaknya juga meluluskan lesen sampan membabitkan 6,000 permohonan dalam tempoh 2021 hingga 2024.

"(Pemutihan membabitkan) Antaranya ada nelayan meninggal dunia. Kita juga bincang (dalam mesyuarat) Kabinet baru-baru ini mengenai tekong. Tekong bot ini lagi tua lagi berpengalaman.

"Kadang-kadang umur 60 tahun kita suruh dia bersara, tetapi lagi lama di laut, lagi berpengalaman dan kita perlukan tekong seperti ini. Jadi lesen ini, pemutihan sedang dibuat. Akta menyeluruh akan dipinda pada mesyuarat (Parlimen) akan datang," katanya.

Tegas kuatkuasakan undang-undang marin sebelum masalah lebih besar

● Kita sering melihat kes pelanggaran tidak diambil serius atau hanya menerima penalti ringan, memberi isyarat tindakan itu tidak membawa akibat besar

● Kerajaan perlu mewujudkan dasar komprehensif merangkumi semua aspek pengurusan dan perlindungan marin, termasuk kawalan spesies invasif, pengurusan pencemaran serta pemuliharaan habitat penting



Ahli Panel
Konsultasi
Perubahan Iklim,
Kementerian
Sumber Asli dan
Kelestarian Alam
(NRES)

Oleh Mogesh Sababathy
bhrencana@bh.com.my

Tindakan penganjur penganjur program pertandingan memancing melepaskan ikan invasif ke Tasik Biru, Kundang, dikritik pelbagai pihak kerana hidupan berkenaan berisiko terlepas ke sistem sungai, seterusnya sampai ke lautan atau ekosistem marin, menimbulkan ancaman serius terhadap kelestarian alam sekitar.

Kenyataan Jabatan Perikanan Malaysia (DOP) bahawa jaring akan dipasang pada laluan keluar tasik selepas hantaran mengenai ikan patin Chao Praya (*Pangasius sanitwongsei*) itu tular di media sosial boleh diibaratkan sudah terhantuk baru tengadah.

Ikan invasif merujuk kepada spesies ikan bukan asli kepada suatu ekosistem dan mempunyai keupayaan mengganggu atau mendominasi habitat baharu. Ikan sebegini lebih agresif dan adaptif berbanding spesies tempatan, menyebabkan persaingan tidak adil, akhirnya menguasai sumber semula jadi seperti makanan dan ruang habitat.

Ini bukan hanya mengancam spesies ikan tempatan, bahkan boleh merosakkan rantaian makanan, mengubah dinamik ekosistem dan menyebabkan kemerosotan kualiti air.

Ikan invasif boleh membawa penyakit dan parasit baharu ke dalam ekosistem sedangkan spesies tempatan tidak mempunyai imuniti, seterusnya mempercepatkan kadar kematian.

Kedua-dua ini juga memberi kesan domino kepada industri perikanan tempatan bergantung kepada kesihatan ekosistem dan kepelbagaian biologi untuk kelestarian ekonomi.

Ikan invasif dilepaskan tanpa kawalan bukan sahaja mengancam biodiversiti tempatan dan merosakkan ekosistem, malah turut menjadikan usaha pemuliharaan semakin sukar serta mahal.

Di negara ini, isu pelepasan ikan invasif ke perairan umum ditangani melalui undang-undang tegas seperti Akta Perikanan 1985 yang mengenakan penalti berat kepada individu atau entiti melanggarnya.

Bagaimanapun, keberkesanan penguatkuasaan undang-undang ini sering dipersoalkan kerana kekurangan sumber manusia dan logistik untuk pemantauan berterusan.

Kita sering melihat kes pelanggaran tidak diambil serius atau hanya menerima penalti ringan, memberi isyarat tindakan itu tidak membawa akibat besar.

Lebih mengecewakan, belum ada satu pun institusi akademik dan penyelidikan menyuarakan kenyataan mengenai isu ini sedangkan ia perlu berada di barisan hadapan dalam penyelidikan dan penyebaran maklumat mengenai ancaman ekologi serius.

Ini menunjukkan jurang membimbangkan antara penyampaian pengetahuan dan kesedaran dengan masyarakat umum. Dengan kemudahan dan kepakaran, institusi pendidikan dan penyelidikan sepatutnya berperanan lebih besar dalam memimpin inisiatif pendidikan awam serta men-

cadangkan dasar lebih efektif.

Jurang antara polisi dengan masyarakat antara punca utama pelaksanaan polisi tidak berkesan di negara ini kerana dasar digubal tidak diiringi kempen kesedaran mencukupi hingga masyarakat tidak memahami kepentingan atau implikasi tindakan mereka terhadap ekosistem.

Apatah lagi, Malaysia turut berhadapan masalah pencemaran laut, penangkapan ikan berlebihan dan pemusnahan habitat marin seperti terumbu karang serta hutan bakau.

Malaysia berada di kedudukan ketiga dalam kalangan pencemar laut utama dunia menyumbang sisa plastik di lautan dengan ketara.

Hakikatnya, perairan Malaysia mempunyai kepentingan ekonomi sangat besar. Sektor perikanan menyumbang berbilion ringgit kepada pendapatan negara setiap tahun, sekali gus menyediakan sumber protein penting kepada rakyat. Industri akuakultur berkembang pesat pula memberikan peluang pekerjaan dan meningkatkan ekonomi tempatan.

Pelan rancangan nasional komprehensif

Perairan Malaysia bukan lagi sekadar ikan dan kapal, bahkan ia mempunyai potensi sumber hidrokarbon di dasar laut dan pelancongan marin, termasuk menyelam dan ekopelancongan.

Malangnya sampai sekarang, Malaysia masih tidak mempunyai pelan rancangan nasional komprehensif untuk mengurus dan memantau sumber marin.

Semua perkara ini memberi lebih banyak alasan untuk menubuhkan sebuah kementerian khusus bagi pengurusan perairan negara termasuk isu berkaitan marin dan maritim.

Seruan ini bukanlah baharu, bahkan banyak kali disarankan pakar kerana isu seperti bidang kuasa bertindih dalam kalangan agensi kerajaan membawa kepada ketidakcekapan dan kekeliruan pelaksanaan polisi mahupun inisiatif, ketiadaan pengurusan berpusat serta kekurangan data dan kepakaran teknikal.

Di negara seperti Indonesia dan Korea, kementerian khusus ini sudah diwujudkan hingga dapat menguruskan sistem logistik maritim, pe-

ngurusan lestari lautan, pencapaian keselamatan maritim dan memakmurkan komuniti nelayan.

Dasar marin juga dapat digubal dan dilaksanakan lebih berkesan, sekali gus memastikan kelangsungan ekosistem marin sihat serta lestari untuk generasi akan datang.

Kerajaan juga perlu mewujudkan dasar komprehensif merangkumi semua aspek pengurusan dan perlindungan marin, termasuk kawalan spesies invasif, pengurusan pencemaran serta pemuliharaan habitat penting seperti terumbu karang dan hutan bakau.

• Penguatkuasaan undang-undang diperketat dengan meningkatkan sumber dan keupayaan agensi penguat kuasa serta memastikan penalti dikenakan cukup berat untuk mencegah pelanggaran.

• Program pemantauan dan penyelidikan berterusan diadakan untuk menilai keadaan ekosistem marin, mengenal pasti ancaman baharu serta menilai keberkesanan langkah diambil.

• Meningkatkan kerjasama antara agensi kerajaan, institusi penyelidikan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk memastikan pendekatan bersepadu serta efektif.

• Institusi pendidikan dan penyelidikan lebih aktif bukan hanya mendidik generasi masa depan dan menjalankan aktiviti penyelidikan, bahkan menjadi suara pendapat profesional dan 'non-partisan' dalam isu kelautan. Ia perlu terabit dalam penyebaran maklumat, advokasi dasar dan memberikan panduan berasaskan bukti kajian saintifik kepada penggubal dasar.

• Menubuhkan kementerian khusus bagi memastikan semua aspek berkaitan perairan negara termasuk perikanan, pemuliharaan biodiversiti marin, pengurusan pencemaran dan keselamatan maritim diurus dengan lebih sistematik dan bersepadu.

Hakikatnya harga perairan negara tidak ternilai. Nilai ekologi yang sangat berharga dan mempunyai kesan langsung terhadap ekonomi serta kesejahteraan rakyat hingga langkah tegas dan kerjasama efektif perlu diambil, sebelum terpaksa membayar harga lebih tinggi untuk kesilapan kita hari ini.



Ikan patin
Chao Praya
(*Pangasius
sanitwongsei*)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	36

Tuai satu tan kangkung sebulan

BESUT: Bermula dengan mengisi masa lapang, dua sahabat berjaya menuai hasil lebih satu tan sayur kangkung yang ditanam secara hidroponik dalam tempoh sebulan di Kampung Gong Kepas di sini.

Muhammad Syafiq Madzlan, 29, berkata, sejak Januari lalu, dia dan sahabatnya, Zulfitri Ahmad, 27, memulakan tanaman kangkung bagi memperoleh pendapatan sampingan.

Bagaimanapun, dia tidak menyangka usaha tersebut membuahkan hasil memberangsangkan sehingga mampu meraih pendapatan kira-kira RM4,000 dalam tempoh berkenaan.

"Saya bekerja secara sambilan di sebuah syarikat swasta dan

mempunyai banyak masa terluang. Disebabkan itu saya dan Zulfitri berpakat untuk mencuba bidang pertanian moden.

"Kami menyewa dan memanfaatkan tanah terbiar seluas 0.2 hektar bermodalkan RM35,000," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, Zulfitri berkata, permintaan terhadap kangkung hidroponik yang diusahakan itu mendapat permintaan tinggi sehingga mereka terpaksa menghadkan pembelian bagi setiap pelanggan.

"Setakat ini pengeluaran kangkung kami mencecah 300 kilogram seminggu dan menuai serta menjualnya tiga kali dalam tempoh itu," katanya.



MUHAMMAD Syafiq Madzlan menunjukkan kangkung yang ditanam secara hidroponik di Kampung Gong Kepas, Besut, Terengganu. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2024	HARIAN METRO	LOKAL	18



MUHAMMAD Syafiq menunjukkan kangkung hidroponik yang ditanam di kebun sayur hidroponik di Kampung Gong Kepas, Besut. - Gambar NSTP/NURUL FATIHAH SULAINI

DUA SAHABAT CEBURI TANAMAN KANGKUNG HIDROPONIK

Ilham jaga orang tua uzur

Oleh Nurul
Fatimah Sulaini
am@hmetro.com.my

Besut

Keputusan dua sahabat untuk menjaga orang tua yang sakit di kampung memberi ilham kepada mereka menceburi tanaman kangkung hidroponik.

Muhammad Syafiq Madzlan, 29, berkata, dia memilih tinggal di kampung selepas menamatkan pengajian kerana mahu menjaga bapa, Madzlan Mat Amin, 65, yang sakit terlarut kerana angin ahmar.

Katanya, sebelum ini dia

menamatkan pengajian dalam bidang Ijazah Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

"Kebetulan sahabat baik saya, Zulfitri Ahmad, 27, kenalan ketika di universiti turut memilih berhijrah ke kampung kerana mahu menjaga ibunya yang uzur.

"Kami masih bekerja dalam bidang masing-masing, tetapi tidak terikat dengan masa, justeru memilih menceburi bidang pertanian untuk mengisi masa lapang," katanya di Kampung Gong Kepas di sini, kelmarin.

Dia berkata, mereka mula mengusahakan tana-

man itu sejak Januari lalu dan mengambil masa empat bulan untuk melakukan kerja pembersihan tanah serta persediaan projek tanaman.

"Kami mula tanam kangkung sejak Mei lalu dan berjaya mengeluarkan hasil tanaman seminggu tiga kali jumlah keseluruhan sekitar satu tan sebulan dengan nilai kira-kira RM4,000.

"Kami masih bekerja dalam bidang masing-masing, tetapi tidak terikat dengan masa, justeru memilih menceburi bidang pertanian untuk mengisi masa lapang"

Muhammad Syafiq

"Proses penjagaan tanaman hidroponik lebih mudah serta teratur berbanding cara tradisional kerana saya hanya perlu memantau melalui telefon serta kamera liter tertutup (CCTV).

"Bekalan air juga akan dipasang berterusan bermula jam 8 pagi sehingga 7 malam dan dikawal sepenuhnya menggunakan sistem serta alat kawalan

jauh melalui telefon," katanya.

Syafiq yang juga anak bongsu daripada lapan beradik berkata, hasil kangkung mereka lebih segar serta tidak diancam dengan serangga perosak berbanding kangkung ditanam di tanah.

"Setiap satu meja ini boleh menghasilkan 60 kilogram kangkung dan setiap minggu kami mampu menghasilkan 300 kilogram secara berjadual," katanya.

Sementara itu, rakan-nya, Zulfitri berkata, mereka berhasrat untuk mempelbagaikan tanaman selepas ini antaranya sawi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2024	KOSMO	NEGARA	18

Tanam kangkung dapat RM4,000

BESUT – Usaha seorang pemuda yang berbudi kepada tanah akhirnya membuahkan hasil apabila dia mampu meraih pendapatan RM4,000 sebulan menerusi tanaman kangkung secara hidroponik sejak awal tahun ini.

Muhammad Syafiq Madzian, 29, berkata, usaha yang dilakukannya bersama seorang rakan, Zulfitri Ahmad, 27, itu pada mulanya hanya sekadar suka-suka untuk mengisi masa terluang.

"Saya yang bekerja sebagai *freelance* (pekerja bebas) di sebuah syarikat swasta sebenarnya mem-

punyai banyak masa terluang. "Sebab itu saya berpakar dengan Zulfitri untuk menceburi pertanian moden dengan menanam kangkung secara hidroponik," katanya ketika ditemui di kebunnya di Kampung Gong Kepas di sini semalam.

Muhammad Syafiq berkata, mereka menyewa tanah terbiar seluas 0.2 hektar untuk melaksanakan projek kangkung hidroponik tersebut.

Tambah beliau, selain sistem hidroponik, kebun kangkungnya juga dilengkapi televisyen litar

tertutup (CCTV) yang kesemuanya menelan belanja kira-kira RM35,000.

"Kelengkapan teknologi moden ini membolehkan kami memantau penjagaan tanaman kangkung bagi menjamin kualiti pengeluarannya.

"Alhamdulillah kebun kami kini mampu mengeluarkan 300 kilogram (kg) kangkung seminggu menerusi tiga kali tuai sepanjang tempoh tersebut," katanya.

Muhammad Syafiq berkata, mereka menjual kangkung pada harga RM5 sekilogram.



MUHAMMAD SYAFIQ menunjukkan tanaman kangkung yang diusahakan secara hidroponik di Kampung Gong Kepas, Besut semalam.

Durian damak king terjejas teruk

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

JERANTUT – Cuaca yang tidak menentu mengakibatkan pengeluaran durian premium kampung (DPK), damak king terjejas dan berkurangan lebih 50 peratus tahun ini sekali gus membuatkan pendapatan peniaga merudum.

Peniaga durian, Zulkifly Mah-mud, 54, berkata, cuaca itu telah mengakibatkan pucuk muda dan bunga kerap gugur.

Katanya, seramai 15 pekebun komersial DPK di sekitar sini mengeluh dengan keadaan itu.

"Sepatunya damak king mula gugur pada pertengahan bulan ini tetapi ia masih kurang. Saya dan rakan-rakan yang terdiri daripada peraih DPK berasa tertekan kerana sudah berjanji dengan pemborong dan pembeli tegar di Lembah Klang serta pantai timur.

"Turut terjejas ialah jenis udang merah, duri hitam, naga merah, mas hijau, kulit buaya, naga emas, tangkai panjang dan durian kampung baka asal," katanya ketika ditemui di Kampung



ZULKIFLY (tengah) menunjukkan antara durian damak king yang kurang menjadi pada tahun ini ketika ditemui di Kampung Damak, Jerantut semalam.

Damak di sini semalam.

Menurut Zulkifly, cuaca tidak menentu memberi kesan pertumbuhan pucuk dan putik (buah) dan akan gugur apabila tiba musim panas.

"Ia sesuatu yang jarang berlaku sebelum ini. Kami menjangkakan hanya satu tan metrik durian damak king sahaja yang berjaya dikutip tahun ini berbanding lebih lima tan pada musim lalu," katanya.

Ujar Zulkifly, pekebun damak king cuma memperoleh antara RM60,000 hingga RM80,000 berbanding harga buah ini iaitu RM50 sekilogram.

Sementara itu, pemborong durian, Ahmad Mustapha, 46, berkata, hasil jualan pekebun tahun ini hanya dapat menampung baka, racun serta pengurusan kebun sahaja.

"Saya paling rungsing kerana ramai penggemar durian damak king dari luar Pahang sudah menempah sejak awal tahun lagi kerana minat dengan buah berkenaan kerana tekstur isinya kekuningan dan sedap," ujarnya.

Ketam nipah beri rezeki buat nelayan

SETIU – Seorang nelayan darat di sini, mampu meraih rezeki berganda sehingga RM250 sehari hasil tangkapan ketam nipah yang kini mudah didapati di Sungai Setiu berdekatan Kampung Pengkalan Gelap di sini sejak awal bulan lalu.

Mohd. Hafiz Che Kamarudin, 34, berkata, pendapatan menangkap ketam nipah telah meningkat lima kali ganda buat masa ini berbanding cuma RM50 sebulan sebelum ini ekoran peningkatan populasi di habitatnya.

"Sebenarnya, ketam nipah boleh diperolehi di Sungai Setiu sepanjang tahun, tetapi populasinya akan lebih banyak dalam tempoh-tempoh tertentu.

"Tempoh itu ialah pada bu-

lan Januari hingga Febuari, Jun hingga Julai, dan Oktober hingga November," katanya ketika ditemui Kosmo! di Kampung Pengkalan Gelap di sini semalam.

Mohd. Hafiz berkata, dia mula menangkap ketam nipah sejak 10 tahun lalu selepas pulang ke kampung dan berhenti kerja sebagai juruteknik di ibu negara.

Sejak itu katanya, dia telah beralih menjadi nelayan darat dan menjadikan ketam nipah sebagai pendapatan sampingan.

Dia memberitahu, pemborong membeli ketam nipah segar itu pada harga antara RM25 hingga RM50 sekilogram mengikut saiz.



MOHD. HAFIZ menunjukkan sebahagian ketam nipah yang ditangkapnya di Sungai Setiu berdekatan Kampung Pengkalan Gelap, Setiu semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Pokok durian Bunga Merah 200 tahun berbuah 600 biji

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Seorang pekebun di Lenggeng di sini mempunyai 'khazanah' berharga, iaitu sebatang pokok durian berusia lebih 200 tahun.

Mohd. Zahari Ali, 65, berkata, pokok durian itu adalah daripada jenis yang jarang ditemui, Bunga Merah, iaitu durian hutan.

Menurutnya, pokok itu terletak di dusun miliknya di Kampung Kapal di sini dan seperti namanya, ia mempunyai bunga berwarna merah.

"Pada mulanya selama tiga tahun saya memajak kebun ini dan kemudian saya beli tanah ini.

"Memang pokok ini awalnya tidak berbuah, bunganya banyak tetapi buah tidak lekat," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Ulu Beranang, Lenggeng di sini.

Mohd. Zahari yang juga Pengerusi Persatuan Gabungan Kluster Pekebun Durian Ulu Beranang berkata, selepas pokok durian itu dijaga dan dipulihkannya termasuk menerusi pembajaan dan suntikan batang, ia kembali berbuah dan tahun ini ini sebanyak 600 biji.

"Isinya warna kuning cerah dan rasanya lemak manis, namun mempunyai bau yang sedikit tengik seperti durian hutan yang lain tapi tetap mempunyai pemi-



MOHD. Zahari Ali (kanan) mengutip buah durian jenis Bunga Merah dari pokok dianggarkan berusia lebih 200 tahun di Kampung Kapal, Ulu Beranang, Lenggeng, Seremban. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

natnya tersendiri," katanya.

Dia dalam pada itu berharap ada pakar khususnya dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dapat melakukan pengesahan mengenai usia sebenar pokok tersebut yang kini sudah berketinggian lebih 20 meter.

"Pegawai FRIM ada datang, na-

mun lebih bertujuan menentukan spesies pokok ini sahaja.

"Pokok ini boleh menjadi kekuatan dalam usaha persatuan kami untuk memajukan kawasan Ulu Beranang sebagai pusat pengeluaran buah durian selain tarikan bagi aktiviti agropelancongan di sini," katanya.